

**MANUSIA AWAL DI ASIA TENGGARA - SATU PENILAIAN
ANALISIS DAN INTERPRETASI**

**ZURAINA MAJID
School of Social Sciences
Universiti Sains Malaysia
Penang
Malaysia**

**Paper presented at
The Fourth National Archaeological Seminar,
Cipanas, West Java,
3-9 March 1986**

MANUSIA AWAL DI ASIA TENGGARA - SATU PENILAIAN ANALISIS DAN INTERPRETASI

PENGENALAN

Ini mungkin hanya satu "coincidence" yang kita berkumpul hari ini di Java Barat untuk membincang Manusia di Indonesia. Java Barat, pada masa dahulu telah dianggapkan sebagai sebahagian pulau yang pertama muncul dari laut pada akhir zaman Kainos (van Bemmelen 1949, Movius 1944) dalam Braches & Shutler 1983), dan disini juga buat pertama kali lapisan mammalia lama mula-mula dijumpai (von Koenigswald 1939) dalam Braches & Shutler 1983). Von Koenigswald bercadang bahawa Java Barat mungkin menjadi nuklius pulau ini dan dari sini pulau Java berkembang ke timur. Juga, Indonesialah yang telah menghasilkan data yang terbanyak dan signifikan tentang manusia di Asia Tenggara. Jumpaan manusia awal di Java telah pada beberapa masa dibandingkan dengan jumpaan yang terdapat di Afrika dan Cina; ini menjadikan Indonesia satu pusat dalam arkeologi Paleolitik di Asia Tenggara.

Resensi kajian-kajian awal mencadangkan bahawa kesimpulan pakar-pakar dahulu patutlah dikaji semula

dari segi asas-asas interpretasi mereka. Shutler & Braches telah menjalankan tugas yang besar ini (Braches and Shutler 1983, 1984, Shutler 1984). Dalam kertas kerja ini saya ingin menggabungkan data tentang manusia awal di Indonesia dengan data yang sezaman dengannya di kawasan-kawasan lain di Asia Tenggara. Saya juga akan menilaikan analisis dan interpretasi dan menonjolkan dalam metodologi.

GABUNGAN DATA TENTANG MANUSIA AWAL DI ASIA TENGGARA

Indonesia telah menjadi fokus penyelidikan tentang Manusia di Asia Tenggara, dan akeologi Paleolitik di kawasan ini menjejak balik ke akhir abad ke-19, manakala fosil manusia awal dicari. Pada 1887, seorang Belanda, Eugene Dubois datang dari Netherlands untuk mencari "hubungan terhilang". Beliau memilih Indonesia kerana ia berpendapat bahawa nenek-moyang manusia yang semakin hilang bulu terpaksa tinggal di tempat yang panas, dan dengan alasan ini kawasan tropika di mana "anthropoid apes" tinggal menjadi pilihan pertamanya. Darwin lebih minat memilih Afrika, sedangkan Lyell dan Wallace tidak menjawabkan soalan pilihan itu. Wallace, pada 1864, pernah pergi ke hutan tropikal di Borneo dan telah menjadi pakar sains yang pertama mencadangkan bahawa

gua-gua di Borneo Barat adalah tempat yang penting untuk mencari bukti-bukti perkembangan evolusi (Zuraina 1982a:25). Selepas satu abad kemudian, gua Niah mendapat perhatian sedunia sebagai tapak Asia Tenggara yang mempunyai bukti pertama tentang Homo sapiens sapiens.

Pada awal 1890an, E. Dubois berjumpa "tulang Pithecanthropus", "Manusia Wajak" (1890), satu tengkorak Trinil (1891) dan "Manusia Java", dalam pencariannya tentang hubungan yang terhilang dalam evolusi manusia (Casino 1974). Dalam tahun 1893, E. Noetling dari Survei Geologi di India melapurkan alat batu pertama dari Burma (Movius 1937-38). Lain-lain penjarahan kedalam sejarah manusia telah dibuat pada awal abad ini di beberapa kawasan di Asia Tenggara. Antara tahun 1902-04, Fritz dan Paul Sarasin menggali mikrolit Asia Tenggara yang pertama, di gua Lamuontjong, Sulawesi Selatan (Mulvaney dan Soejono 1971).

Sejak 1930an penyelidikan Paleolitik berpusat di Indonesia dan Burma. Ter Haar, Opencorth dan juga Koenigswald bertugas di Java Timur (Ngandong dan Modjokerto) dan Java Tengah (Sangiran). Ini juga adalah masa di mana Sarasin berjumpa pertinggalan Paleolitik di Thailand (Sarasin 1933) dan di Timor (Almeida dan

Zbyszewski 1967); dan W. Williems juga berbuat demikian pada 1938 di Flores (Heekeren 1955-57). Akan tetapi American South East Asian Expedition untuk Geologi Kainos dan Manusia Awal, telah meninggalkan tapak yang ketara untuk arkeologi Pleistosen di Asia Tenggara, dalam kajian de Terra dan Movius (de Terra 1937-38, Movius 1937-38, 1943, 1944, 1948, 1955 dalam Zuraina 1982a). Selepas Peperangan Dunia Kedua, penyelidikan atas Paleolitik Asia Tenggara diteruskan dengan masa yang tidak tertentu di beberapa negara di Asia Tenggara. Dalam tahun 1950an dan 1960an, tapak manusia awal yang betul-betul dapat ditarikahkan terjumpa di Malaysia, Filipina, Kempuja, Laos dan Vietnam. Tetapi penyelidikan manusia awal dan budaya adalah lebih giat di Indonesia dan ia masih berterusan (Aimi dan Aziz 1983, dan Soejono 1961, 1970, Heekeren 1972, Mulvaney dan Soejono 1970, Jacob 1972, 1976, Sartono 1976, Sartono et al 1981 dalam Zuraina 1982). Jadual 1 merumuskan penyebaran tapak Paleolitik dan Industri di Asia Tenggara, yang mungkin boleh dilengkapi lagi.

Jumpaan manusia awal telah mengalami perubahan taksonomi kerana pemeriksaan yang dilakukan dari masa ke semasa. Bila Dubois berjumpa lagi fosil-fosil bentuk

"anthropoid" yang tak terkenal di Java dalam 1891-1892, beliau memanggilnya Pithecanthropus erectus, satu bentuk Homo tradisional. Untuk satu masa yang singkat, ia dipercayai bahawa Asia Tenggara adalah kawasan hominisasi dan kemungkinannya mengkiatkan "hubungan terhilang" antara manusia dan monyet menjadi semakin cerah. Tidak lama kemudian, dalam tahun 1924, Afrika mengemukakan Taung Man, fosil yang lebih lama, mempunyai ciri-ciri hominid lebih dari ciri "anthropoid", dan ini di kenali sebagai Australopithecus.

Selepas itu pada tahun 1928, satu Homo erectus yang dikenali sebagai Sinanthropus Pekinensis dijumpai di Zhoukoudian, dekat Beijing. Ini bermakna bahawa Homo erectus mungkin timbul dan mengubahansur di kawasan-kawasan selain daripada Java. Oleh demikian dengan terdapatnya Australopithecus, dari tahun 1920 pusat penyelidikan manusia awal beralih dari Asia Tenggara ke Afrika. Pada tahun 1954-55, Olduvai Gorge telah menghasilkan bukti yang awal tentang Homo erectus, yang bertarikh 1.6 juta tahun dahulu. Antara tahun 1931 dan tahun 1941, von Koenigswald berjumpa lebih lagi fosil hominid Pithecanthropus di Ngandong, Modjokerto dan Sangiran. Weidenreich memerhati bahawa Pithecanthropus adalah satu bentuk yang kuno yang mempunyai perhubungan

dengan Sinanthropus dan seperti Sinanthropus ia mempunyai "variability" yang luarbiasa. Beliau berpendapat bahawa ini diakibatkan oleh ketidaksamaan jantina (Shutler & Braches 1984). "Variability" ini mengenalkan perbezaan taksonomik antara fosil Pithecantropus di Java (lihat Jadual 2). Von Koenigswald juga menghubungkan fosil dari Java dengan fosil yang dijumpai di Afrika, seperti yang ditunjukkan di Jadual tersebut. Lebih lagi fosil dijumpai selepas Perang Dunia II, kebanyakannya dijumpai oleh pakar palaeontologi tempatan seperti Jacob dan Sartono. Banyak nama telah diberi kepada Homo erectus di Java berdasar atas perbezaan morfologi dan stratigrafi yang tidak ketara dan ini telah mengakibatkan banyak kerumitan. Ramai penyelidik telah meluahkan perasaan untuk menyatukan semua spesimen Sangiran misalnya, kepada satu species : Homo erectus (Shutler & Braches 1984:418).

Untuk kronologi manusia awal, fosil in situ yang ada ialah dari zaman Plestosen Pertengahan dan Matusura dan Pope menentukannya kepada tahun berkisar antara 0.5-0.8 juta tahun dahulu, atau 1juta tahun maksima. Jikalau ini diterima, maka hominid di Java tidak sezaman dengan Homo erectus di Olduvai Gorge yang berumur 1.6 juta tahun, sebagaimana dipercayai oleh Dubois, lima

dekad dahulu (Shutler & Braches 1984:420). Akan tetapi, di antara 1.7 juta tahun, di lembah Cagayan di Filipina, terjumpa alat-alat batu tetapi tanpa bukti manusia. Sejauh mana saya tahu tidak ada tapak lagi di Asia Tenggara (kawasan yang ditaksirkan disini tidak memasuki Cina Selatan) yang sezaman dengan tapak hominid di Java dan Luzon sepertimana yang disebutkan di atas.

Satu perbandingan antara tarikh Java dan Cina menunjukkan bahawa kedua-duanya adalah sezaman - fosil Lantian yang berjenis Homo erectus di Shaanxi dianggap dalam zaman 0.8-0.9 juta tahun, dan Sinanthropus Pekinensis dianggap dalam zaman 0.62 - 0.37 juta tahun, dan fosil Java di anggap dalam lingkungan 0.5 - 0.8 juta tahun. Akan tetapi Homo erectus muncul di Afrika dalam waktu 0.5 - 0.8 juta tahun. Oleh demikian, Shutler & Braches (1984) menyimpul bahawa Asia bukanlah lokasi di mana Homo erectus itu pertama kali muncul. Tetapi saya ingin memerhatikan bahawa kemunculan pertama sesuatu species di satu-satu tapak tidak semestinya bermakna bahawa tempat itulah tempat permulaan species itu. Tapak itu cuma mengemukakan bukti pertama tentang species itu sehingga lain tapak yang lebih lama lagi dijumpai.

METOD INTERPRETASI DAN MASALAH-MASALAH

Rentetan budaya Paleolitik pada umumnya telah dibentukkan atas perhubungan artifak dengan susunan stratigrafi terrace. Apabila artifak yang sama dengan jenis yang dijumpai di sesuatu tapak yang lain, ia dianggap berada dalam industri sama (walaupun tidak semestinya sezaman.) Umpamanya, Gombong dan Parigi di Jawa Barat dikenali sebagai tapak Patjitanian (Heekeren 1972). Rentetan tempatan telah dibandingkan berasas dengan rentetan geologi (Movius 1944). Oleh kerana artifak telah dikumpul dari permukaan tapak konteks sekunder yang telah mengalami pembentukan mendak yang kompleks, kami harus berhati-hati apabila membaca rentetan ini. Lagipun, kemungkinan ujud bahawa pakar geologi telah berdasarkan kesimpulan atas interpretasi bahan fosil dan hujah-hujah yang berpusing-pusingan yang dikemukakan dengan tidak sengaja, seperti dalam kes teori kemunculan Java yang didasarkan atas data paleontologi (Braches dan Shutler 1983:2). Semasa pakar sains di Indonesia sezaman bertugas kearah mendapat data yang lebih tepat untuk interpretasi yang baik, kita perlu juga menyemak semula dasar-dasar interpretasi lama supaya kita dapat tahu kajian mana yang tidak tepat. Shutler & Braches (1983, 1984), telah memeriksa dasar

penyelidikan manusia awal di Indonesia, dan menunjukkan beberapa kawasan yang harus diperhatikan, dan ini akan dibincangkan di bawah.

Braches dan Shutler (1983) memeriksa dasar paleontologi dan geologi untuk kemunculan Java dan Shutler menyimpulkan bahawa teori kemunculan Java di arah Barat-Timur dan fauna Siva Malaya di Java tidak boleh digunakan lagi (Shutler & Braches 1984:419). Ini adalah kerana teori-teori ini hanya berdasar pada data paleontologi dan bukan pada data geologi. Bemmelen, seorang pakar geologi hanya bergantung kepada interpretasi fauna dari von Koenigswald, dan bukan pada bukti geologi. Interpretasi faunal ini telah pun diklasifikasikan sebagai Kali Glagah dan bukan Cijulang dan umur mereka adalah masih ragu-ragu lagi (Shutler & Braches 1984). Mereka menunjukkan bahawa data Bemmelen pada halnya mencadangkan bahawa bahagian Java tengah ke Sangiran barat dan timur muncul pada kali pertama dan ini nampaknya secocok dengan fauna bahagian lama Kali Glagah.

Pengkelasan fauna dan penetapan tarikh yang berdasarkan fosil vertebrate fauna telah dikaji semula oleh pakar bidang ini (Sartono et al 1981, Aimi dan Aziz

1983). Satu perhubungan strata dalam satu kawasan dan antara kawasan di Java, berdasar atas vertebrate stratigrafi yang telah ditentukan dahulu, adalah satu dasar yang lemah untuk pengkelasan dan adalah lebih baik memecatnya pada masa kini (Matsu'ura dalam Shutler & Braches 1984:420).

Oleh kerana kebanyakan bahan awal adalah jumpaan permukaan dan jumpaan yang bukan didapati in situ, ia memerlukan kita berhati-hati mengkaji perjumpaan ini. Sehingga baru-baru ini, Paleolitik Asia Tenggara lebih dikenali dari jumpaan permukaan di mana hubungan geologi dan fauna serta konteks arkeologi itu tidak terang. Hanya baru-baru ini sahaja terdapat pertarikan radiometrik. Oleh kerana jumpaan hominid dari Sangiran dan tengkorak Homo modjokertensis dari Pening tidak didapati in situ, tarikhnya adalah dipersoalkan. Pope (1983 dalam Shutler & Braches 1984) mencadangkan bahawa hanya hominid-hominid dari Plestosen Pertengahan yang telah digalikan buat sementara ini, diberi tarikh antara 0.73 - 0.125 juta tahun. Beliau percayai bahawa setakat ini tidak ada lain hominid Indonesia yang berumur lebih dari 1 juta tahun.

AJENDA KERJA

Adalah perlu disini memindahkan ketegasan dahulu iaitu menghubungkan peristiwa geomorphologi dengan unit stratigrafi dan fauna, dan sekarang perlulah kita menitik-beratkan kepentingan pertarikan kronometrik, stratigrafi dan pembentukan teres. Ini telah mula dilakukan di Indonesia. Untuk menetapkan tapak ke dalam ruang dan masa, penyelidikan harus berterusan untuk mencari tapak konteks primer di mana artifak-artifak boleh dijumpai dalam konteks stratigrafi dan budaya yang sebenar (Zuraina 1982b).

Mencari lokasi tapak ini adalah satu tugas yang susah dalam kawasan tropika. Hujan-hujan rimba yang subur merumitkan kegunaan cara-cara mengesan seperti gambar udara untuk mengesan tapak penempatan. Penggunaan tanah dan pembangunan menjadi faktor tambahan yang menghadkan identifikasi. Perubahan aras laut eustatik juga merumitkan isu ini. Proses endapan membawa tinggalan-tinggalan dari konteks asalnya ke konteks sekonder. Kekhuatiran tentang tapak-tapak yang diselubungi oleh tumbuh-tumbuhan, dan yang dijahanamkan oleh penanaman, pembangunan dan proses endapan telah dibangkitkan oleh beberapa pakar arkeologi di Asia

Tenggara (Solheim 1981, Hutterer 1982, Pisit 1980). Khususnya, tapak terbuka nampaknya adalah yang susah sekali ditentukan. Ini mempunyai kaitan dalam pembentukan rentetan kawasan (regional sequence) yang boleh dipercayai dan interpretasi data arkeologi dari segi pembangunan sosial dan budaya. Hutterer (1982) telah mencadangkan cara-cara inovatif untuk menjalankan kajian dalam had-had yang mungkin dialami dalam kawasan hutan tropika. Pengagihan maklumat tentang tanda-tanda penempatan tapak dan strategi kerja luar antara negara-negara Asia Tenggara boleh bantu meningkatkan bilangan tapak arkeologi dan mencepatkan kerja arkeologi di rantau ini.

Kami sedar bahawa ujudnya unsur budaya yang tertinggal dalam bentuk jumpaan adalah berbeza dan ini menimbulkan masalah dalam membentuk semula arkeologi. Ini adalah ketara apabila kita cuba menjejak ke masa yang semakin lampau. Kita juga tahu bahawa dalam kebanyakan kes, rekod arkeologi mengekalkan informasi tentang beberapa aspek masyarakat, umpamanya organisasi ekonomi dan sosial mereka. Ini adalah aspek-aspek yang boleh dikaji, aspek-aspek yang melibatkan lebih lagi daripada perbincangan yang menumpu hanya tentang artifak-artifak dan antropologi fizikal sahaja.

Walaupun demikian ini tidak bermakna bahwa aspek-aspek artifak dan antropologi fisik tidak penting. Akan tetapi, kita harus coba mencapai dan membentuk satu gambaran yang lebih menyeluruh tentang masyarakat awal ini. Untuk berbuat demikian kita memerlukan satu pandangan yang baru dalam strategi kerja luar, yang harus dirancangkan supaya dapat memerah dari bahan-bahan dan mencungkil sebanyak mana boleh tentang aspek-aspek organisasi dan struktur masyarakat kuno.

RUJUKAN

- Aimi, M. dan F. Aziz,
1983 "Vertebrate Fossils from the Sangiran Dome, Mojokerto, Trinil and Sambungmacan, Indonesia"
- Almeida, A. de dan G. Zbyszewski
1967 "A contribution to the study of the prehistory of Portuguese Timor - lithic industries". Asian and Pacific Archaeology Series. 1:55 - 66 (Archaeology at the 11th Pacific Science Congress)
- Braches, F. dan R. Schutler
1983 "Early vertebrates and the theory of the emergence of Java" Southeast Asian Studies Newsletter, British Institute in Southeast Asia, Singapore

1984 "Early vertebrates and the theory of the emergence of Java - II", Southeast Asian Studies Newsletter, British Institute in Southeast Asia, Singapore
- Casino, E.S.
1974 "Looking for Missing Links in Missing Lands" UISPP IXo Congress Coll. VI: 409-423
- Heekeren, H.R. van
1955-57 "Notes on prehistoric Flores". Madj. Ilmu Bah., Bumi dan Kebud. Indonesia 85.4:455-479

1972 The Stone Age of Indonesia, (2nd ed). The Hague:Martinus Nijhoff
- Hutterer, K. L.
1982 "Some comments on 'Models of Philippine Prehistory' by P.J.F. Coutts and J.P. Wesson"
- Movius, H. L.
1937-38 "First and second Scientific Field Report of the American Southeast Asiatic Expedition for Cenozoic Geology and early man". Unpublished reports.
- Mulvaney, D.J. dan R.P. Soejono
1970 "The Australian-Indonesian archaeological expedition to Sulawesi". Asian Perspectives. 13:163-77.
- Pisit Charoenwongsa dan M.C.S. Didkul
1978 Thailand, Geneva

Sarasin, F.

1933 "Prehistorical Researches in Siam". Journal of the Siam Society. XXVI. 2:171-202

Shutler, Richard Jr.

1984 "The emergence of homo sapiens in Southeast Asia, and other aspects of hominid evolution in East Asia" dalam The Evolution of the East Asian Environment. Whyte, Centre of Asian Studies, Hong Kong

Shutler, R. dan F. Braches

1984 "The migration of the Pithecanthropus to Java", Proceedings of the 6th International Symposium and Asian Studies

Shutler, R. dan Mark Mathisen

1979 "Pleistocene studies in the Cagayan Valley of N. Luzon, Philippines", Journal of Hong Kong Archaeological Society Vol. VIII

Solheim, W.G., II

1981 "Philippine Prehistory" dalam The People and Art of the Philippines, E.S. Casino, G.R. Ellis, W.G. Solheim II (eds), Los Angeles, University of California

Terra, de H.

1937-38 "1st & 2nd Scientific Field Report of the American Southeast Asiatic expedition for Cenozoic Geology and early man". Unpublished report.

Zuraina Majid

1982a The West Mouth, Niah, in the prehistory of Southeast Asia, The Sarawak Museum Journal Special Monograph No. 3

1982b "Issues, problems and future directions in early Southeast Asian prehistory", Federation Museums Journal 27.

<u>Tapak</u>	<u>Ciri₂ Perjumpaan</u>	<u>Rujukan</u>
Burma:		
Yenangyaung (1937-38)** (Anyathian)	Alat-alat batu dan tarahan	Movius 1937-38, 1943, 1944; de Terra 1937-38
Java:		
Baksoka Valley (1935) (Patjitanian)	Alat-alat batu kelikir dan tarahan-tarahan besar	von Koenigswald dan Tweedie 1935 in Heekeren 1972
- (1953, '54, '63)	Batu, tulang dan alat-alat cengkerang	Heekeren 1972
Tasik Malaya (Patjitanian)	Alat-alat batu kelikir dan tarahan besar yang seakan-akan sama Baksoka Valley tetapi bukan sewaktu	Heekeren 1972
Djampang (Patjitanian)		
Gombong (Patjitanian)		
Parigi (Patjitanian)		
} (1937, 59)		
Waturalang (Ngandong)	Tarahan, tulang dan tanduk	Heekeren 1972
Borneo:		
Awangbangkal (1958)	Alat-alat batu kelikir dan tarahan	Soejono 1961, Heekeren 1972
West Mouth, Niah	Alat-alat batu kelikir dan tarahan	T. Harrisson 1958, 1972, 1974, Zuraina 1982
Philippines:		
Cagayan Valley (1958)	Alat-alat batu kelikir dan tarahan	von Koenigswald 1958a, Shutler 1979

*Berdasar atas Zuraina 1982
 **Tarikh yang mana ada

Tapak

Ciri, Perjumpaan

Rujukan

Bali:

Sambiran (1961)
(Patjitanian)

Kapak tangan, alat-alat penetak-
bermata tepi, tarahan kecil

Heekeren 1972

Timor:

Atambua }
(Patjitanian) }
Kefannanu }
(Patjitanian) }

tarahan batu api chert dan teras
perimping

Glover & Glover 1970

JADUAL 2

KLASIFIKASI MANUSIA AWAL

	Von Koenigswald	Cadangan ₂	Cina	Afrika
Pleistosin Pertengahan	Pithecanthropus erectus	Homo erectus	Sinanthropus Lantianensis	
Pleistosin Awal	Pithecanthropus modjokertensis Pithecanthropus dubius Meganthropus Palaeojavanicus	?		Homo habilis Australopithecus



The Sunda Shelf (from Biswas 1973)